

Dasar Waranti dan Pembaikan

Waranti ini hanya terpakai kepada pembelian dibuat pada michaelkors.global dan tidak termasuk produk yang dibeli di lokasi kedai Michael Kors di [Australia](#) , [Azerbaijan](#), [Bahrain](#) ,[Brazil](#), [Mesir](#) , [Hong Kong](#) , [India](#), [Indonesia](#) , [Israel](#), [Jordan](#), [Kuwait](#) , [Lubnan](#) , [Malaysia](#), [Mexico](#), [New Zealand](#) , [Oman](#), [Filipina](#) , [Qatar](#), [Rusia](#), [Arab Saudi](#), [Singapura](#), [Afrika Selatan](#), [Syria](#), [Taiwan](#) , [Thailand](#) , [Turki](#), [Emiriah Arab Bersatu](#), [Ukraine](#) dan [Yaman](#) atau daripada sumber selain Michael Kors secara langsung. Untuk produk Michael Kors yang dibeli di lokasi ini atau sumber lain, sila kembali ke tempat pembelian asal dengan resit anda untuk mendapatkan bantuan.

BEG TANGAN, BARANGAN KULIT YANG KECIL & AKSESORI TEKNOLOGI (KECUALI JAM TANGAN)

Variasi warna dan tekstur ialah ciri bernilai pada kulit berwarna perang yang cantik. Melalui masa, patina akan terbentuk pada kulit dan warna kulit juga akan menjadi gelap disebabkan minyak daripada kulit anda serta sinaran cahaya langsung, faktor-faktor ini akan meningkatkan penampilan semula jadi beg tangan atau item kulit yang kecil. Sila rujuk Garis Panduan Penjagaan Produk kami untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang penjagaan beg tangan atau item kulit yang kecil.

Beg tangan, barangan kulit yang kecil dan aksesori teknologi yang dibeli di michaelkors.global dilindungi mulai tarikh asal pada resit dengan waranti terhad selama dua tahun (bukti pembelian diperlukan).

Jika beg tangan, barangan kulit yang kecil atau aksesori teknologi yang tidak mematuhi perjanjian digantikan, item asal tidak akan dipulangkan kepada pelanggan. Waranti ini merupakan tambahan dan tidak mempengaruhi hak perundangan anda.

Syarat dan Pengecualian

Waranti tidak meliputi kerosakan yang disebabkan pemindahan pewarna, kecuaiian atau penyalahgunaan, atau daripada sebarang pengubahsuaian, servis atau pembaikan yang dilakukan oleh pihak selain Michael Kors.

Sila ambil perhatian bahawa Michael Kors akan menanggung semua kos yang berkaitan dengan penghantaran produk yang rosak kepada kami untuk menuntut penggantian.

Untuk membuat tuntutan menurut waranti ini, sila hubungi kami melalui borang [Hubungi Kami](#).

BAGASI

Bagasi yang dibeli di michaelkors.global dilindungi mulai tarikh asal pada resit dengan waranti terhad selama dua tahun (bukti pembelian diperlukan). Jika bagasi yang tidak mematuhi perjanjian digantikan, item asal tidak akan dipulangkan kepada pelanggan.

Waranti ini merupakan tambahan dan tidak mempengaruhi hak perundangan anda.

Syarat dan Pengecualian

Waranti ini tidak meliputi kerosakan yang disebabkan kecuaiian atau penyalahgunaan.

Sila ambil perhatian bahawa Michael Kors akan menanggung semua kos yang berkaitan dengan penghantaran produk yang rosak kepada kami.

Untuk membuat tuntutan menurut waranti ini, sila hubungi kami melalui borang [Hubungi Kami](#).

KASUT

Kasut yang dibeli di michaelkors.global dilindungi daripada kerosakan dengan waranti (bukti pembelian diperlukan) selama dua tahun (atau tempoh yang lebih lama sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang berkenaan). Jika kasut yang tidak mematuhi perjanjian digantikan, item asal tidak akan dipulangkan kepada pelanggan

Waranti ini merupakan tambahan dan tidak mempengaruhi hak perundangan anda.

Untuk membuat tuntutan menurut waranti ini, sila hubungi kami melalui borang [Hubungi Kami](#).

JAM TANGAN

Jam tangan yang dibeli di michaelkors.global dilindungi daripada kerosakan dengan waranti (bukti pembelian diperlukan) selama dua tahun (atau tempoh yang lebih lama sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang berkenaan). Sila rujuk bahasa waranti yang lengkap dalam buku kecil waranti yang disertakan bersama jam tangan anda.

Waranti ini merupakan tambahan dan tidak mempengaruhi hak perundangan anda.

- Bagi jam tangan yang dibeli di michaelkors.global, sila hubungi kami dengan melengkapkan borang [Hubungi Kami](#). Sila ambil perhatian bahawa Michael Kors akan menanggung semua kos yang berkaitan dengan penghantaran produk yang rosak kepada kami.
- Bagi jam tangan yang dibeli melalui pembekal Michael Kors, sila buat pemulangan di tempat pembelian dengan resit anda dan pembekal berkenaan akan dapat membantu anda.

CERMIN MATA HITAM

Cermin mata yang dibeli di michaelkors.global dilindungi dengan waranti (bukti pembelian diperlukan) selama dua tahun (atau tempoh yang lebih lama sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang berkenaan).

Waranti ini merupakan tambahan dan tidak mempengaruhi hak perundangan anda.

Untuk membuat tuntutan menurut waranti ini, sila hubungi kami melalui borang [Hubungi Kami](#).

BARANG KEMAS

Barang kemas Michael Kors diperbuat daripada logam tidak berharga yang digabungkan dengan pelbagai unsur yang termasuk batu permata separa dan kulit. Gunakan minyak wangi dan kosmetik sebelum memakai barang kemas anda. Untuk membersihkan setiap barang kemas, lap dengan kain yang lembut. Jauhkan barang kemas anda daripada kelembapan kerana ini akan menggalakkan kekusaman. Jangan dedahkan kulit kepada air. Kami mengesyorkan anda menyimpan barang kemas di tempat yang bersih dan kering.

Barang kemas yang dibeli di michaelkors.global dilindungi dengan waranti (bukti pembelian diperlukan) selama dua tahun (atau tempoh yang lebih lama sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang berkenaan).

Waranti ini merupakan tambahan dan tidak mempengaruhi hak perundangan anda.

Untuk membuat tuntutan menurut waranti ini, sila hubungi kami melalui borang [Hubungi Kami](#).

BARANG KEMAS PERAK STERLING

Waranti Barang Kemas Perak Sterling Michael Kors ialah waranti yang diberikan oleh pengilang. Waranti ini memberikan hak yang berbeza daripada hak yang diberikan oleh undang-undang pengguna, termasuk tetapi terhad pada hak berkaitan barangan yang tidak mematuhi perjanjian. Manfaat waranti terhad Michael Kors merupakan tambahan dan bukannya hak yang diberikan oleh undang-undang pengguna.

Barang kemas perak sterling Michael Kors anda disertakan dengan waranti oleh Fossil Group, Inc.* untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh asal pembelian, yang disertakan dalam terma dan syarat waranti ini. Waranti Barang Kemas Perak Sterling Michael Kors meliputi kerosakan pada bahan dan pengilangan. Salinan resit diperlukan sebagai bukti pembelian.

Bahagian yang diliputi waranti akan dibaiki (jika mungkin) atau digantikan tanpa dikenakan bayaran komponen atau upah sekiranya bahan berkenaan rosak atau kerja tangan tidak menepati keperluan.

Sekiranya digantikan, Michael Kors tidak dapat menjamin bahawa anda akan menerima barang kemas perak sterling yang sama. Jika item anda tidak tersedia, item yang bernilai sama atau gaya serupa akan diberikan. Waranti bagi gantian barang kemas perak sterling akan tamat dalam masa dua (2) tahun, dari tarikh item gantian diterima.

WARANTI BARANG KEMAS PERAK STERLING TIDAK MELIPUTI:

- Kerosakan yang disebabkan, dalam pendapat Michael Kors, pengendalian yang tidak wajar, penjagaan yang tidak mencukupi, kecuaiian, penyalahgunaan, pengubasuaian, percubaan untuk membuat pembaikan, kelalaian, kegagalan untuk mengikut nasihat yang diberikan dalam buku kecil jagaan susul atau di services.fossilgroup.com, produk telah haus dan lusuh atau sudah lama.
- Produk yang tidak dibeli daripada peruncit sah Michael Kors (termasuk peruncit dalam talian yang sah), kedai runcit Michael Kors atau laman web rasmi Michael Kors.

Waranti dan remedi yang disebutkan di atas adalah eksklusif dan menggantikan semua waranti, terma dan syarat, yang tersurat atau tersirat atau statuori yang lain, berkenaan apa-apa jua perkara, termasuk, tanpa had, waranti kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, ketepatan, kualiti yang memuaskan, milikan dan ketidaklanggaran, kesemuanya dinafikan secara jelas oleh Michael Kors. Michael Kors tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa jua jenis kerosakan atau liabiliti yang berlaku berhubungan, akibat, secara tidak langsung, khusus atau punitif akibat atau berhubungan dengan jualan atau penggunaan produk ini, sama ada berdasarkan kontrak, tort (termasuk kelalaian), liabiliti produk yang ketara atau teori lain, walaupun Michael Kors telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan sedemikian dan walaupun apa-apa jua remedi terhadap yang dinyatakan di sini dianggap gagal mencapai tujuan utamanya. Keseluruhan liabiliti Michael Kors adalah terhadap pada penggantian atau pembaikan harga pembelian yang dibayar, mengikut pilihan Michael Kors semata-mata.

Sesetengah negara, negeri atau wilayah tidak membenarkan pengecualian atau penghadan waranti tersirat atau penghadan kerosakan berhubungan atau akibat. Oleh hal yang demikian penggunaan penghadan dan pengecualian di atas mungkin terhadap bagi anda. Apabila waranti tersirat mungkin tidak boleh dikecualikan secara keseluruhannya, waranti tersebut akan dihadkan pada tempoh waranti bertulis yang berkenaan. Waranti ini memberi anda hak undang-undang khusus; anda mungkin mempunyai hak lain yang mungkin berbeza berdasarkan undang-undang tempatan anda. Hak statuori anda tidak akan terjejas.

**MEMINTA PEMBAIKAN BAGI BARANG KEMAS PERAK STERLING YANG MASIH
DALAM WARANTI:**

Sekiranya anda memerlukan pembaikan yang masih diliputi waranti, sila lawati [tapak pembaikan](#) dan ikut arahan untuk menghantar barang kemas perak sterling anda, salinan resit jualan dan perihalan masalah item kepada pusat servis antarabangsa sah yang berdekatan.

Jangan hantar bungkusan asal kerana bungkusan tersebut tidak akan dikembalikan. Michael Kors amat mengesyorkan agar anda menginsuranskan bungkusan anda dan melindungi barang kemas perak sterling anda dengan sewajarnya. Michael Kors tidak bertanggungjawab terhadap produk yang hilang atau rosak sewaktu penghantaran.

Anda mestilah memberikan bukti pembelian yang sah untuk produk yang hilang atau rosak sewaktu penghantaran.

Jika anda tidak berada di AS, sila [klik di sini](#) untuk mendapatkan senarai pusat servis antarabangsa dan menghubungi pusat servis yang berdekatan.

*901 South Central Expressway, Richardson, Texas 75080 USA

AMARAN PRODUK PALSU

Michael Kors bekerjasama dengan pihak berkuasa kastam, penguat kuasa undang-undang dan wakil perundangan di seluruh dunia dalam usaha membanteras jualan produk Michael Kors yang palsu, sama ada dalam talian atau di luar talian. Untuk mengelakkan risiko pembelian produk palsu, anda disyorkan untuk hanya membeli produk terus dari laman web rasmi Michael Kors, kedai runcit Michael Kors atau pasar raya yang bereputasi baik, penjual atau penjual dalam talian khusus yang anda tahu sebagai bereputasi baik.

Untuk melaporkan produk palsu, sila hantar e-mel kepada BrandProtection@michaelkors.com

Michael Kors (Switzerland) GmbH

Terakhir Dikemas Kini: 27.2.2020